

Peranan dan Sumbangan Wanita terhadap Perkembangan Pendidikan Pondok: Kajian Biografi terhadap Ustazah Zaidatulakmam di Pusat Pengajian As-Sirajul Munir

The Role and Contribution of Women to the Development of Pondok Education: A Biographical Study of Ustazah Zaidatulakmam at Pusat Pengajian As-Sirajul Munir

Nurhamidah Jalil^{*1} & Nik Suhaida Nik Abdul Majid²

¹ Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;

Article progress

Received: 4 August 2024

Accepted: 12 September 2024

Published: 30 November 2024

*Corresponding author:
Nurhamidah Jalil, Fakulti
Kepimpinan dan Pengurusan,
Universiti Sains Islam
Malaysia, 71800 Nilai, Negeri
Sembilan, Malaysia;
Email:
nurhamidahjalil@gmail.com

Abstrak: Dalam konteks sejarah dan perkembangan pendidikan pondok di Malaysia, kajian mengenai peranan wanita sering kali terpinggir atau kurang diberikan perhatian yang sewajarnya. Sebagai pendidik, penggerak masyarakat, dan penyebar ilmu, tokoh wanita memainkan peranan yang signifikan dalam mengukuhkan kedudukan pendidikan pondok, terutamanya dalam konteks pemerksaan wanita. Terdapat jurang yang besar dalam kajian lepas mengenai tokoh wanita dalam sistem pendidikan pondok kerana kajian mengenai tokoh di Malaysia yang melibatkan pembangunan sistem pondok banyak mengetengahkan tokoh lelaki. Realitinya, tokoh wanita sewajarnya juga diangkat kerana peranannya yang signifikan dalam memahami keperluan dan kesesuaian hal ehwal wanita. Justeru, artikel ini mendalami seorang tokoh wanita bernama Ustazah Zaidatulakmam yang telah mengasaskan dan membangunkan Pusat Pengajian As-Sirajul Munir sebagai pusat penyebaran dakwah dan ilmu agama kepada golongan wanita dari seawal usia kanak-kanak sehingga warga emas. Kajian biografi ini bertujuan mendokumentasikan latar belakang kehidupan, pendidikan dan perjalanan dakwah Ustazah Zaidatulakmam bagi menganalisis peranan dan sumbangan beliau sebagai wanita dalam konteks sistem pendidikan pondok. Data diperoleh melalui kaedah temu bual dan dokumen seterusnya diinterpretasi menggunakan kaedah naratif dan analisis tematik. Dapatkan kajian menyimpulkan terdapat lima peranan dan sumbangan beliau melalui posisi sebagai pengasas pondok, pengajar, penulis, penceramah dan usahawan di pondok tersebut yang menyumbangkan pelbagai sumbangan dalam pembangunan wanita dari aspek ilmu dan sosial.

Kata kunci: Peranan Wanita, sumbangan Wanita, pondok di Malaysia, pendakwah Wanita, Pusat Pengajian Islam;

Abstract: In the context of the history and development of pondok education in Malaysia, the role of women has often been marginalized or given insufficient attention. As educators, community leaders, and disseminators of knowledge, women figures play a significant role in strengthening the position of pondok education, particularly in the context of women's empowerment. There is a substantial gap in previous research regarding female figures within the pondok education system, as studies in Malaysia that focus on the development of the pondok system have largely

highlighted male figures. In reality, women figures also deserve recognition for their significant role in understanding the needs and suitability of women's affairs. Therefore, this article delves into the story of a female figure named Ustazah Zaidatulakmam, who founded and developed Pusat Pengajian As-Sirajul Munir as a center for disseminating dakwah (Islamic preaching) and religious knowledge to women, from early childhood to the elderly. This biographical study aims to document the background, education, and dakwah journey of Ustazah Zaidatulakmam in order to analyze her role and contributions as a woman within the context of the pondok education system. Data was obtained through interviews and documents, and subsequently interpreted using narrative and thematic analysis methods. The findings of the study conclude that there are five roles and contributions she made through her positions as a pondok founder, educator, writer, speaker, and entrepreneur at the pondok, contributing to the development of women in terms of knowledge and social aspects.

Keywords: Role of women, contribution of women, pondok in Malaysia, female preachers, Islamic learning center;

Pengenalan

Sistem pendidikan pondok merupakan antara sistem pendidikan tradisional dan terawal di Tanah Melayu yang masih wujud pada ketika ini. Perkataan pondok berasal daripada perkataan Arab *'fuduqun'* yang bererti rumah tumpangan atau tempat penginap para pengembara (Jaafar et al., 2017). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), pondok dertiakan sebagai madrasah atau asrama untuk mengaji atau belajar ilmu agama dan sekolah pondok pula bermaksud institusi pengajian dan pendidikan Islam secara tradisional.

Pondok juga dikenali sebagai pesantren yang merupakan institusi pendidikan Islam tertua di Indonesia yang berkembang pesat serta diakui oleh pemerintah Indonesia dan juga masyarakat sebagai sebuah institusi pendidikan keagamaan (Nasrun & Norhayati, 2013). Pondok sebagai institusi pendidikan tidak hanya mengajarkan ilmu dan pengetahuan, malahan mengajarkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Menurut Ummah Karimah (2018), pondok akan terlaksana apabila memenuhi lima syarat utama iaitu mempunyai guru atau pengasas pondok, mempunyai bangunan pondok untuk dijadikan tempat tinggal pelajar, mempunyai masjid atau surau sebagai tempat menuntut ilmu, wujudnya pelajar dan modul pelajaran yang menggunakan kitab turath.

Sistem pendidikan pondok ini telah diperkenalkan oleh mubaligh Arab atau orang Melayu yang mendapat pendidikan di Arab (Khairul, 2022). Kemudian, ia diteruskan apabila datangnya tuan guru dan orang alim

untuk mengajar ilmu agama kepada masyarakat setempat (Jaafar et al., 2017). Pendidikan secara tradisional ini sudah tidak asing dalam kalangan masyarakat Melayu yang tidak hanya eksklusif kepada lelaki sahaja, malah kaum wanita juga menjadikan pondok sebagai pusat menimba ilmu agar dapat menjadi wanita, ibu dan pemimpin yang berperanan penting dalam memperkuat nilai-nilai agama dalam masyarakat seperti di dalam kajian oleh Ahmad Faizal et al. (2022) mendapati bahawa kaum wanita lebih memilih ke pondok untuk mencari ketenangan dan menambah ilmu agama kerana suasana pondok yang tenang dapat mendekatkan diri mereka dengan Allah.

Tokoh wanita mempunyai pelbagai peranan dan sumbangan dalam menjamin kelangsungan dakwah Islam kepada masyarakat untuk meghayati dan mengamalkan Islam mengikut panduan al-Quran dan hadis serta berpaksikan pegangan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ). Sejajar dengan itu, peranan dan sumbangan wanita melalui sistem pendidikan pondok khususnya Ustazah Zaidatulakmam yang membangunkan Pusat Pengajian Assirajul Munir yang terletak di Sepang, Selangor wajar dikaji dan didokumentasikan bagi tatapan masyarakat generasi kini dan pada masa akan datang termasuk pihak kerajaan dan institusi agama yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan.

Kajian Lepas

Nur Afiqah dan Khazri (2021) telah mengetengahkan ulama di Kelantan iaitu Al-Marhum Tuan Guru Haji Abdul Aziz B Haji Abu Bakar yang merupakan pengasas pondok yang termasyhur di Kota Bharu, Kelantan iaitu Madrasah Ad-Diniah Al-Bakriah atau lebih dikenali sebagai Pondok Pasir Tumboh. Pengkaji meneliti di dalam makalah tidak membincangkan kaedah dakwah yang digunakan oleh pengasas pondok dan sumbangan dakwah sepanjang meneraju institusi pondok.

Terdapat juga kajian terhadap ulama di Kedah iaitu Tuan Guru Haji Ahmad yang lebih dikenali sebagai Pak Teh Mad. Beliau mengasaskan Pondok Ahmadiyah yang terletak di Padang Terap, Kedah (Azwa & Khazri, 2021). Penyelidik mendapati bahawa pengasas pondok amat meneliti pengurusan pondok dari awal dengan mengikut prosedur sehingga pada tahun 2003, pondok ini telah dinaiktaraf menjadi sekolah yang amat masyhur di kalangan pelajar jurusan pengajian Islam iaitu Maktab Mahmud Padang Terap.

Kajian dua ulama ini mempunyai persamaan iaitu kedua-duanya pernah menuntut ilmu bersama ulama dari luar negara di timur tengah iaitu di Mekah. Setelah pulang, ulama ini menyambung tradisi ilmu dengan cara mendirikan pondok sendiri untuk menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat.

Kajian mengenai seorang tokoh masyhur di Melaka, Mualim Haji Wahid yang merupakan pengasas Madrasah An-Nuriah di Sungai Udang, Melaka. Tidak cukup dengan pondok, nilai prihatin dan sering memberi bantuan beliau telah menujuhkan Lembaga Pengurusan Kebajikan Anak-anak Yatim dan Miskin untuk menjaga kebajikan anak muridnya yang majoritinya miskin dan yatim (Azmi & Nazli, 2018). Pengkaji mendapati bahawa kajian ini menjelaskan secara terperinci tentang sumbangan beliau kepada agama dan masyarakat sehingga yang tidak pernah berjumpa tokoh ini menghargai jasa dan pengorbanan beliau dalam menyampaikan dakwah. Syahrol dan Ashraf (2021) juga meneliti perjuangan dakwah tokoh terkenal ini Mualim Haji Wahid dalam menyampaikan dakwah di negeri Melaka antaranya menyediakan pondok sebagai kemudahan tempat pelajar untuk menuntut ilmu, sumbangan dalam penulisan kitab dan peranan sebagai penceramah menyampaikan ilmu dalam dan luar Melaka.

Syed Salim (2021) di dalam kajian terhadap tokoh ulama Perak, Tuan Guru Haji Othman Qarib membincangkan tentang sumbangan beliau terhadap pengajian talaqqi dan dakwah. Kesusahan yang dihadapi oleh beliau semasa berkelana mencari ilmu sewaktu muda daripada pelbagai ulama dari satu negeri ke negeri yang lain tanpa berputus asa adalah kerana beliau sangat

mencintai ilmu. Maklumat di dalam makalah ini telah menjelaskan riwayat hidup beliau dengan lebih mendalam seolah pengkaji boleh merasai walaupun beliau sudah meninggalkan dunia.

Kajian tokoh ulama Nusantara juga giat dijalankan di beberapa buah negara. Antaranya di Patani, kajian biografi Tok Guru Dala atau nama sebenarnya Haji Abdul Rahman bin Muhammad Arshad turut dijalankan bagi meneroka peranan dan sumbangannya terhadap pendidikan Islam di Nusantara (Zati Azmina, 2019). Diberi gelaran "Tok Sibawaih" kerana kemahirannya di dalam ilmu nahu dan saraf (ilmu tatabahasa arab) dan hasil dari didikan beliau telah melahirkan ramai pelajar yang alim, masyhur dan bersemangat untuk menyebarkan ilmu agama dengan membangunkan pondok mereka sendiri.

Walaupun terdapat banyak kajian dalam konteks agama yang mengkaji tentang tokoh pondok di Malaysia seperti kajian tokoh terhadap Tuan Guru Haji Ahmad Bin Haji Mohd Nor Nur (Azwa & Khazri, 2021), kajian mengenai Tuan Guru Haji Abdul Aziz B Haji Abu Bakar (Nur Afiqah & Khazri, 2021) dan kajian tokoh di Patani seperti Tok Guru Dala (Zati Azmina, 2019), namun ianya lebih tertumpu kepada tokoh lelaki sahaja. Terdapat juga kajian yang berkaitan tokoh wanita tetapi tidak terlalu meluas antaranya kajian di Indonesia iaitu seorang ulama wanita kelahiran Lombok, Hajah Siti Raihanun Zainuddin Abdul Majid (Khaevani, 2023), Rahmah al-Yunusiyah yang merupakan pejuang kemerdekaan negara Indonesia yang berasal dari Minangkabau (Nurulhuda & Umi, 2019) dan Syarifah Sa'ddiyah Al Habsyi binti Idrus bin Salim Al Jufrie berasal dari Kota Palu (La Mansi, 2013).

Kajian mengenai peranan dan sumbangan wanita dalam sistem pendidikan pondok di Malaysia ini masih boleh dikatakan belum ada dan amat jarang dilakukan kerana keterbatasan sifat wanita yang sering dianggap lemah, kurang penting dan kurang sesuai untuk menjadi seorang pemimpin menyukarkan golongan wanita untuk ke hadapan dan dikenali (Rafidah, Sity & Samsudin, 2017) menatijahkan masyarakat semakin kurang mengetahui tentang kewujudan tokoh wanita di Malaysia. Oleh yang demikian tidak banyak yang dapat kita ketahui mengenai ulama wanita di Malaysia khususnya yang berlatarbelakangkan pendidikan pondok. Sehubungan itu, kajian mengenai peranan dan sumbangan wanita terhadap perkembangan pendidikan pondok ini perlu diangkat agar dapat memperkasakan nilai wanita sebenar terhadap agama, negara dan masyarakat.

Terdapat kajian mengenai tokoh ulama wanita pondok di Kota Palu Sulawesi Tengah Indonesia iaitu Syarifah Sa'ddiyah Al Habsyi binti Idrus bin Salim Al

Jufrie yang merupakan seorang ulama dan bukan sahaja ketua wanita Islam serta pengasas pondok Pesantren Putrie Al Khaerat (WIA) malah beliau aktif di bidang dakwah dan kegiatan masyarakat (La Mansi, 2013). Seterusnya, kajian terhadap tokoh wanita kelahiran Pancor, Indonesia iaitu Hajah Siti Raihanun Zainuddin Abdul Majid. Beliau memainkan peranan penting dalam menyambung perjuangan ayahnya Syaikh Zainuddin Abdul Majid salah seorang wali terkenal di Lombok (Khaevani, 2023). Penulis mendapati tokoh wanita ini boleh menjadi contoh tauladan kepada masyarakat wanita kerana kewibaannya dalam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang ibu, isteri dan pengasas pondok pesantren amat mengagumkan.

Pengkaji mempunyai pendapat yang sama dengan kajian Farid Ravi dan Zahari (2019) mengenai peranan dan sumbangan ulama di Selangor yang tidak boleh dipandang kecil. Kajian ini mengumpulkan nama-nama ulama di Selangor yang merangkumi institusi pendidikan, institusi fatwa dan institusi perundungan Islam. Menurut mereka, kajian yang mendalam mengenai data dan biografi ulama di Selangor perlu dilakukan secara konsisten bagi menghargai jasa dan pengorbanan mereka kepada agama.

Oleh kerana tokoh wanita juga berperanan penting dalam dunia Islam, kajian terhadap tokoh wanita atau ulama wanita yang berpendidikan pondok masih kurang jika dibandingkan dengan ulama lelaki. Maka kajian ini dilaksanakan bagi meneliti peranan dan sumbangan tokoh wanita dalam perkembangan pendidikan pondok kepada masyarakat.

Metodologi dan Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan reka bentuk kajian biografi. Denzin dan Lincoln (2009) mendefinisikan biografi sebagai satu kajian yang berdasarkan kumpulan dokumen tentang kehidupan seseorang dengan mencatat peristiwa penting yang terjadi dalam kehidupannya. Biografi dapat disusun berdasarkan dokumen kajian seperti orang yang masih hidup atau yang sudah meninggal dunia (Haris, 2012).

Oleh itu, artikel ini akan melihat seorang tokoh wanita yang berperanan penting dalam menyumbangkan jasa dalam pendidikan pondok dan dakwah kepada masyarakat di Selangor iaitu Ustazah Zaidatulakmam. Berdasarkan pencarian pengkaji, sehingga kini belum terdapat penulisan formal yang secara khusus dan terperinci menceritakan tentang latar belakang dan sumbangan beliau.

Lokasi kajian tertumpu kepada Pusat Pengajian As-Sirajul Munir yang terletak di Sepang, Selangor yang merupakan pondok yang telah dibangunkan oleh Ustazah

Zaidatulakmam bersama suaminya. Pondok ini dijadikan tempat menuntut ilmu untuk golongan wanita di pelbagai lapisan umur menjadikan kajian ini menarik kerana di Malaysia masih kurang pembinaan pondok yang dikhaskan untuk wanita sahaja.

Data yang dikumpulkan menggunakan kaedah temubual bersama Ustazah Zaidatulakmam. Melalui prosedur soalan temubual separa struktur dan audio temubual dirakam dengan persetujuan beliau. Pengkaji turut melakukan tinjauan langsung di lokasi pondok Pusat Pengajian Assirajul Munir yang terletak di Sepang, Selangor bagi melihat sendiri suasana pondok tersebut sebagai data sokongan. Kajian ini menggunakan analisis tematik berdasarkan peranan dan sumbangan dari posisi Ustazah Zaidatulakmam sebagai seorang pengasas pondok, pengajar, penulis, pendakwah dan usahawan.

Hasil Kajian

Latar Belakang Pusat Pengajian As-Sirajul Munir

Pusat Pengajian As-Sirajul Munir atau lebih dikenali sebagai "Pondok SM" telah diasaskan pada tahun 2004 di Kampung Salak Tinggi, Sepang, Selangor Darul Ehsan. Pengasas Pondok SM ini merupakan sepasang suami isteri iaitu Ustazah Zaidatulakmam dan suaminya Mohd Ridzuan atau lebih dikenali sebagai Paksu.

Pada asalnya, Pondok SM hanya menggunakan sebuah khemah kecil yang berwarna biru untuk dijadikan tempat pengajian bagi penuntut ilmu yang boleh memuatkan 25 ke 30 orang pelajar sahaja. Walau bagaimanapun, dengan bimbingan dan pengawasan berterusan daripada Syeikh Ahmad Fahmi Zamzam Al Banjari An Nadwi Al Maliki, pembangunan As Sirajul Munir dari hutan seluas lima ekar menjadi "Taman Ilmu" yang memukau untuk manfaat ummah amnya dan sebagai madrasah pertama di Malaysia khusus untuk wanita yang fokus utamanya kepada mata pelajaran Al-Quran dan tajwid bersanad, fardhu 'ain, tauhid, fiqh dan tasawwuf (Zaidatulakmam, temu bual, 8 Disember, 2023).

Sehingga kini, Pondok SM terus dihormati dengan kehadiran dan kunjungan ulama besar Islam dari seluruh dunia memandangkan Pondok SM juga sedang berusaha untuk meluaskan skop perkembangannya sebagai institut latihan untuk generasi muda sebagai persediaan menjadi guru dan cendekiawan Islam masa depan.

Biografi Ustazah Zaidatulakmam

Ustazah Zaidatulakmam binti Zakaria atau mesra dikenali sebagai Maksu berasal dari Kuala Ketil, Kedah. Beliau dilahirkan pada tanggal 5 Februari 1970 dan

merupakan anak kelima dari lapan adik-beradik. Ibunya bernama Nafsiah binti Yaacob manakala ayahnya bernama Zakaria bin Muhammad. Ibunya merupakan seorang suri rumah tangga sepenuh masa dan giat menjalankan perniagaan kuih tradisional yang dihasilkan dari rumahnya sendiri. Oleh kerana keluarganya besar dengan mempunyai adik beradik yang ramai, ibunya juga sering melakukan pekerjaan tambahan seperti menenun kain untuk dijadikan tudung dan baju (Zaidatulakmam, temu bual, 8 Disember, 2023).

Manakala ayahnya merupakan seorang penulis skrip berita Bernama dan apabila mempunyai waktu senggang, beliau akan membantu isterinya untuk menyiapkan tempahan kuih bagi menampung perbelanjaan keluarga. Ustazah Zaidatulakmam menceritakan sewaktu beliau membesar, beliau bersama keluarga masih menggunakan air pergi yang terletak di belakang rumah untuk mandi dan untuk kegunaan lain (Zaidatulakmam, temu bual, 8 Disember, 2023).

Ustazah Zaidatulakmam memulakan pendidikan awal pada tahun 1977 di Sekolah Kebangsaan Tunku Putra, Kedah peringkat rendah. Beliau melengkapkan sesi persekolahan sehingga Darjah Enam dengan menduduki peperiksaan Penilaian Darjah Lima. Pada tahun 1982, Ustazah Zaidatulakmam menyambung pengajian di peringkat menengah di dalam bidang Syariah Islam di Maahad Tarbiyah Islamiyah Derang (MTID), Kedah di bawah bimbingan Tuan Guru Ustaz Niamat Yusuf rahimahullahu taala dan Syaikh Ahmad Fahmi Zamzam al-Banjari an-Nadwi al-Maliki (Zaidatulakmam, temu bual, 8 Disember, 2023).

Sejak usia awal 13 tahun lagi, beliau telah diamanahkan untuk mengajar di kampung berhampiran sebagai satu bentuk latihan sepanjang menjadi murid di MTID. Oleh itu, Zaidatulakmam telah menjadi murid harapan sekolah dan beliau mempunyai hubungan baik dan sangat rapat dengan guru-gurunya ketika di MTID.

Setelah menamatkan pengajian di MTID, Ustazah Zaidatulakmam menyambung pengajian ke Pondok Merbau Patah, Terengganu pada tahun 1990 di peringkat sijil agama dalam bidang tasawuf di mana beliau mendapat bimbingan intensif dalam prinsip aqidah (aqidah Islam) daripada Tuan Guru Haji Osman Ahmad rahimahullahu taala atau lebih dikenali sebagai Ayah Su. Pada tahun 1994, beliau telah mendapat keistimewaan untuk berada di bawah bimbingan peribadi Tuan Guru Haji Abdul Latif Abdul Rahman di Pondok Alitfiyah, Pengkalan Hulu, Perak (Zaidatulakmam, temu bual, 8 Disember, 2023).

Semasa di Pondok Alitfiyah, Ustazah Zaidatulakmam telah bertemu dengan suaminya yang juga menuntut ilmu di pondok yang sama. Sewaktu berumur 20 tahun, beliau mendirikan rumahtangga bersama suaminya,

Muhammad Ridzuan bin Lazim pada tahun 1996 dan dikurniakan enam orang cahaya mata, seorang lelaki dan lima perempuan iaitu Muhammad Azzulfa, Khadijah Azzulfa, Nur Iman Izzati Azzulfa, Sirajatul Munirah Azzulfa, Qurratul Ain Azzulfa dan Nurul Hikmah Azzulfa (Zaidatulakmam, temu bual, 8 Disember, 2023).

Pada tahun 1997, Ustazah Zaidatulakmam melanjutkan pengajiannya di Universiti Damsyik, Syria. Bersama suaminya, beliau berpindah ke Syria untuk memulakan kehidupan baharu di Timur Tengah. Sepanjang tempoh pengajian, beliau melahirkan tiga orang anak di Syria. Meskipun menghadapi cabaran dalam mengimbangi komitmen akademik dan tanggungjawab keluarga, Ustazah Zaidatulakmam menunjukkan ketabahan yang tinggi dalam meneruskan pengajian. Pihak pengurusan universiti di Syria juga menyediakan kemudahan dengan membenarkan pelajar membawa anak kecil ke kelas bagi memudahkan penjagaan anak semasa sesi pembelajaran.

Ustazah Zaidatulakmam bijak dalam mengatur masa sebagai seorang pelajar dan seorang ibu, seawal pagi beliau akan pergi ke rumah gurunya untuk bertalaqqi secara perseorangan selepas solat subuh dan akan pulang sebelum anaknya bangun dari tidur.

Di Syria, Ustazah Zaidatulakmam mendaftar sebagai pelajar Diploma Pengajian Syariah Islam dan semasa menduduki peperiksaan bagi lima belas matapelajaran, beliau berjaya memperoleh keputusan Mumtaz iaitu pangkat cemerlang. Atas ketekunan dan kerajinan beliau dalam menuntut ilmu, beliau juga telah menerima sijil sanad mengajar al-Quran dan tajwid daripada Syaikh Mahyuddin al-Kurdi rahimahullahu taala di Syria (Zaidatulakmam, temu bual, 8 Disember, 2023).

Semasa cuti semester tahun 2002, Ustazah Zaidatulakmam dan keluarga pulang ke Malaysia untuk bercuti. Dengan kekangan sumber pendapatan waktu itu membuatkan beliau tidak mampu untuk kembali ke Syria bagi meneruskan pembelajarannya. Maka Ustazah Zaidatulakmam bersama suami menjalankan sebuah perniagaan di Kedah namun berakhir dengan menanggung kerugian yang besar.

Atas nasihat dan dorongan suami, Ustazah Zaidatulakmam memulakan dakwahnya dengan menjalankan kelas-kelas Al-Quran dan Tajwid di rumahnya yang bertempat di Desa Vista, Sepang, Selangor. Pengajian itu dihadiri oleh tiga orang pelajar sahaja pada mulanya yang merupakan jiran terdekatnya. Kemudian, pelajar beliau semakin bertambah ramai selepas beliau dijemput untuk mengadakan majlis keagamaan di kawasan sekitar kejiranan.

Antara majlis yang beliau terlibat ialah majlis tahnik. Tahnik bermaksud mengunyah kurma dan

memasukkannya ke dalam mulut bayi sambil digerakkan ke lelangit ke arah kanan dan kiri dengan gerakan yang lembut sehingga boleh ditelan oleh bayi (Niken & Gita, 2022). Selain itu, beliau sering memenuhi jemputan majlis tahlil dan doa arwah. Bacaan tahlil dan doa arwah merupakan satu set amalan untuk umat Islam beramal bagi disedekahkan pahala bacaan tersebut kepada roh orang yang sudah meninggal dunia (Kamarul, 2020). Di dalam majlis-majlis ini Ustazah Zaidatulakmam akan memimpin jemaah untuk membaca Surah Yasin, zikir-zikir dan doa dari mula sehingga penutup majlis. Dari situ beliau telah dikenali dalam masyarakat setempat dan menjadi rujukan kaum wanita dalam hal ehwal agama dan rumah tangga.

Setelah mendapat sambutan dari jiran terdekat, Paksu melihat peluang yang ada dengan mencadangkan idea membangunkan sebuah pondok khas untuk wanita yang ingin belajar agama kepada Ustazah Zaidatulakmam. Urusan pembelian tanah dimulakan dengan meminjam sejumlah wang dari Ustazah Ummi Nasibah yang merupakan besan Ustazah Zaidatulakmam dan Paksu. Pengumpulan dana untuk pembelian tanah juga dilaksanakan oleh pelajar-pelajar Ustazah Zaidatulakmam bagi merealisasikan pembangunan pondok. Dengan usaha dan kerjasama dari orang ramai, lokasi tanah yang bertempat di Lorong Hj Manap, Kampung Salak Tinggi, Sepang, Selangor berjaya dibeli oleh Paksu dan Ustazah Zaidatulakmam. Pada tahun 2004, Ustazah Zaidatulakmam dan Paksu telah berjaya membina dan mengasaskan sebuah pondok yang dinamakan Pusat Pengajian As-Sirajul Munir (Zaidatulakmam, temu bual, 8 Disember, 2023).

Antara cabaran semasa pengurusan pembelian tanah ialah kewangan. Kadar harga tanah yang mahal menjadikan Ustazah Zaidatulakmam perlu bersabar dalam membina sebuah pondok. Semasa perjalanan awal pondok, hanya Ustazah Zaidatulakmam yang menjadi tenaga pengajar sepenuh masa. Selang beberapa tahun, guru Ustazah Zaidatulakmam iaitu Almarhum Sheikh Fahmi Zamzam telah menziarah Pondok SM dan membawa dua orang anak muridnya dari Indonesia untuk dijadikan guru di Pondok SM. Golongan sasaran pelajar Pondok SM ini hanyalah terhad kepada kaum wanita sahaja tidak kira lapisan umur. Hal ini adalah kerana pengasas Pondok SM merupakan seorang wanita dan Ustazah Zaidatulakmam ingin membantu menyampaikan ilmu dengan cara yang lebih selesa iaitu memberikan didikan langsung berkaitan ilmu agama bersama kaum wanita.

Selain berguru dengan ulama lelaki, Ustazah Zaidatulakmam juga mempunyai hubungan rapat dengan gurunya dalam kalangan wanita. Antaranya isteri Ustaz Niamat iaitu Ustazah Khalijah@Aisyah binti Othman yang sering membantu dan memberi tunjuk ajar

sepanjang beliau menuntut ilmu di (MTID). Selain itu, isteri al-marhum Sheikh Fahmi Zamzam, Ustazah Fatimah juga mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan Ustazah Zaidatulakmam. Antara guru beliau di Syria ialah Syaikhah Samira dan Anisah Khadijah Alhindi. Perkara ini memberi gambaran bahawa kehidupan Ustazah Zaidatulakmam sentiasa dikelilingi oleh ilmu agama dan ulama pondok yang terdiri daripada golongan lelaki mahupun wanita. Maka, tidak hairanlah jika semangat cintakan ilmu itu meresap dalam diri beliau dan persekitaran yang memudahkan proses pendidikan dan pembelajaran beliau (Zaidatulakmam, temu bual, 8 Disember, 2023).

Selain ‘alim dalam hal ehwal agama, Ustazah Zaidatulakmam juga mempunyai bakat dalam penguasaan Bahasa Melayu Sastera. Oleh yang demikian, beliau sering menggunakan bahasa sebagai perantaraan dalam penyampaian beliau semasa mengajar. Cara dakwah yang beliau gunakan adalah secara berhikmah. Adakalanya perlu lembut dan tegas mengikut situasi. Beliau juga petah berkata-kata dan mahir dalam menukil tulisan kata-kata hikmah berserta doa. Bakat kreativiti beliau di dalam mengendalikan kelas supaya tidak bosan akan kelihatan seronok dengan guruan contoh dan nasihat yang berguna kepada pelajar.

Analisis Peranan dan Sumbangan Ustazah Zaidatulakmam

Sebagai Pengasas Pusat Pengajian As-Sirajul Munir Untuk Kaum Wanita

Pondok SM dikenali sebagai tempat untuk pendidikan berkaitan agama khusus kepada masyarakat wanita kerana sistem pembelajarannya masih menggunakan kaedah tradisional namun dicampur dengan kaedah moden mengikut keadaan semasa. Setelah 19 tahun Pondok SM beroperasi, pondok ini dapat memberi peluang kepada masyarakat untuk mencari ilmu agama khususnya kaum wanita. Mereka merasakan jika hadir pengajian di surau-surau atau masjid-masjid, majoriti kelasnya yang bercampur jantina menjadikan mereka mempunyai batas dan halangan untuk bertanyakan soalan jika terdapat kemusykilan.

Hasil ketekunan Ustazah Zaidatulakmam dalam menyampaikan ilmu, Pondok SM telah melahirkan 10 orang Anisah (guru al-Quran) dalam kalangan pelajarnya yang berkhidmat untuk masyarakat sekitar dengan mengajar Al Qur'an menggunakan kaedah talaqqi. Kaedah talaqqi merupakan sesi pengajaran dan pembelajaran secara berkitab yang memerlukan pertemuan guru dengan murid secara bersemuka agar perbincangan ilmu dapat dihuraikan secara terperinci dan mendalam (Syed Salim, 2021).

Pondok SM telah berjaya menghantar sejumlah pelajarnya ke Damsyik, Syria untuk menerima sijil sanad dalam Al-Quran dan Tajwid. Pada tahun 2012, Syaikh Muhamad Kurayyim bin Sa'id bin Kurayyim Rajih hadir ke Pondok SM bagi menganugerahkan sijil sanad kepada pelajar yang layak.

Antara aktiviti yang dijalankan di Pondok SM adalah pengajian talaqqi Al-Quran bersanad, pengajian fardu 'ain, qiamullail, sambutan Maulid nabi dan juga program berselawat. Pondok SM juga menganjurkan kuliah terbuka secara berkala untuk dihadiri orang ramai dengan objektif menyebarkan ilmu Islam yang boleh diamalkan dengan harapan membentuk masyarakat Islam yang berpegang teguh kepada sunnah (amalan) Rasulullah SAW perintah Allah SWT. Salah satu keistimewaan Pondok SM adalah sering diziarahi oleh para ulama dari dalam dan luar negara seperti Maulana Salman dari India, al-Shaykh Usamah dan al-Shaykh Ibrahim Kattani dari Mesir, al-Shaykh Kurayyim Rajih dari Syria, Ustaz Ahmad Shahdan dan Ustaz Haji Muhadir Joll (Zaidatulakmam, temu bual, 8 Disember, 2023).

Sebagai guru di Pondok SM sudah semestinya beliau berperanan penting dalam mengatur perjalanan pondok dengan penuh ilmu dan hikmah. Menurut beliau, pengajian Al-Quran ini dapat mengeratkan hubungan sesama umat Islam di samping dapat menerapkan nilai dakwah di dalam mengajarkan ilmu kepada masyarakat. Masyarakat akan lebih mudah menghayati cara pembacaan Al-Quran dengan betul dan menjaga daripada tertukarnya makna yang terkandung di dalamnya. Pada masa kini, Pondok SM mempunyai kira-kira 300 pelajar dari pelbagai latar belakang, dari kanak-kanak yang berumur bermula dari 7 tahun, peringkat remaja atau lebih mesra dikenali sebagai pelajar banat ibu rumah tangga hingga wanita bekerja yang mempunyai semangat menuntut ilmu yang tinggi mendalam Al-Quran dan pelbagai ilmu agama melalui sanad yang tidak terputus.

Sebagai Tenaga Pengajar

Sebagai pengasas, Ustazah Zaidatulakmam juga adalah pengajar rasmi di Pondok SM. Beliau tidak hanya melepaskan sesi pengajaran kepada Anisah yang dilantik sahaja. Bahkan beliau sendiri mengambil bahagian di dalam jadual pembelajaran mengikut subjek yang telah ditentukan.

Demi menyebarkan ilmu kepada masyarakat khususnya kepada wanita, Ustazah Zaidatulakmam memahami bahawa pengalaman dalam pengajian pondok dan memperoleh kelayakan rasmi daripada badan berautoriti adalah penting supaya dapat memberikan pengajaran yang berkualiti tinggi dan memastikan ilmu

yang disampaikan adalah tepat agar tidak berlaku penyelwangan di dalam penyampaian ilmu. Bersesuaian dengan hadis yang didapati di kitab *al-Minhaj fi Sharh Sahih Muslim* dikarang oleh Imam Nawawi (1999) daripada Abu Mas'ud Uqbah bin Amir al-Ansari R.A, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ ذَلَّ عَلَىٰ حَبْرٍ فَلَهُ مِثْلُ أَجْرِ قَاعِدِهِ

Maksudnya: Barangsiapa yang menunjukkan kepada kebaikan maka dia akan mendapat pahala sepertimana pahala orang yang mengerjakannya (Riwayat Muslim).

Hadis ini menjelaskan mengenai keutamaan mengajar ilmu. Orang yang menunjukkan suatu kebaikan kepada seseorang seperti mengajarkan ilmu, maka dia juga akan memperoleh pahala sepertimana pahala orang yang dia ajarkan. Imam Nawawi (1999) di dalam kitab *al-Minhaj fi Sharh Sahih Muslim* 6/370 menjelaskan hadith di atas berkata: "Kelebihan orang yang menunjukkan kepada suatu kebaikan, memberikan perhatian dan membantu orang yang melakukan kebaikan. Pada hadith ini juga terdapat kelebihan mengajarkan ilmu dan kewajiban ibadah terutama kepada orang yang akan mengamalkan ibadah tersebut dari kalangan orang yang rajin beribadah dan selainnya"

Hadis ini menjadi satu rujukan terhadap penilaian ilmu yang dipelajari terhadap seseorang. Kefahaman terhadap konteks ilmu agama perlu diiktiraf apabila ingin menyebarkan kepada masyarakat. Ustazah Zaidatulakmam amat menitikberatkan kesahihan ilmu yang diambil dari guru-gurunya untuk mendapatkan kefahaman yang cemerlang. Oleh itu, Ustazah Zaidatulakmam akan mempersiapkan dirinya sebelum berdakwah dengan memohon tauliah dan mendapatkan sanad agar dapat membentuk suatu disiplin ilmu yang kukuh dalam menjaga integritasi dan kebenaran ajaran Islam.

Justeru usaha seperti berikut telah beliau lakukan antaranya:

i) Kebenaran/tauliah mengajar

Ustazah Zaidatulakmam sedia maklum mengenai syarat yang perlu beliau penuhi untuk mengajar ilmu agama kepada masyarakat. Justeru itu, Ustazah Zaidatulakmam memohon kebenaran untuk mengajar di sekitar Sepang dengan menyediakan segala dokumen penting mengikut borang kebenaran mengajar dan akhirnya pada tanggal 2 Mac 2004, beliau telah menerima surat kebenaran mengajar dan berdakwah dalam matapelajaran Al-Quran, Tajwid dan Tauhid dari Pejabat Agama Islam Daerah Sepang melalui Haji Mohammad Abdullah Zamhari iaitu Penolong Pegawai Agama Islam dan Ketua Unit Pengurusan Dakwah (Zaidatulakmam, temu bual, 8 Disember, 2023).

Selain itu, Ustazah Zaidatulakmam juga membuat permohonan tauliah mengajar agama dari pelbagai negeri. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), perkataan tauliah bermaksud pelantikan menjadi wali (wakil) ataupun surat pelantikan (menjadi wali, wakil). Menurut Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (18 Julai 2016), tauliah bermaksud kebenaran mengajar oleh badan berautoriti di dalam sesebuah negeri seperti Majlis Agama Islam atau Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan yang diberikan autoriti untuk mengeluarkan dan memberikan tauliah kepada seseorang yang ingin menyampaikan pengajaran agama.

Untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai seorang profesional dalam bidang pendidikan, tauliah dianggap menjadi keperluan utama yang dikehendaki oleh institusi pengajian dan pendidikan agar dapat membantu dalam memberikan keyakinan kepada masyarakat dan pelajar tentang kualiti pengajaran yang mereka terima. Justeru itu, Ustazah Zaidatulakmam telah mendapat tauliah dari pelbagai negeri antaranya tauliah mengajar agama dari negeri Selangor, Negeri Sembilan, Kedah dan Sarawak. Usaha mendapatkan tauliah mengajar ini adalah kerana beliau ingin memastikan bahawa segala etika pengajaran difahami dengan baik, mempunyai kaedah pengajaran yang betul serta mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan pelajar semasa proses pembelajaran (Zaidatulakmam, temu bual, 8 Disember, 2023).

Ustazah Zaidatulakmam telah dianugerahkan tauliah mengajar agama dalam bidang Al-Qur'an dan Tajwid oleh Sultan Negeri Kedah, Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Mu'tasim Billah Muhibbudin Tuanku Haji Abdul Halim Muadzam Shah ibni Almarhum Sultan Badli Shah, pada 10 Oktober 1998. Bagi memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta pengiktirafan dalam bidang pendidikan terus terpelihara, beliau terus aktif menyertai pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh Majlis Agama Negeri untuk para pemegang tauliah mengajar di seluruh Malaysia (Zaidatulakmam, temu bual, 8 Disember, 2023).

ii) Perkembangan generasi Al-Quran

Ustazah Zaidatulakmam amat mementingkan pengajaran al-Quran bersanad kerana pengajaran ini sangat penting dari segi pembacaannya terutama di dalam pemahaman tajwid dan cara baca yang betul dengan menggunakan ilmu sifat dan makhraj huruf. Menurut beliau, sebelum mendidik hati masyarakat dengan ilmu agama, mestilah dimulakan dengan ilmu pembacaan al-Quran kerana ia adalah mukjizat yang paling agung yang diterima oleh Nabi Muhammad SAW. Sehingga ke hari ini Al-Quran mempunyai kemuliaan yang tinggi kerana di dalamnya terdapat segala butir ilmu.

Beliau akan memastikan pelajarnya mempelajari al-Quran dan memiliki sanad yang bersambung sampai kepada Rasulullah s.a.w. kerana ia adalah satu kelebihan yang mulia untuk dimiliki oleh setiap individu. Ilmu al-Quran yang diterima mestilah bersifat sahih, benar dan sah kerana ianya bersambung terus sampai kepada baginda tanpa ada keraguan. Sanad al-Quran ini melibatkan sejumlah besar perawi yang terlibat dalam penyampaian al-Quran. Jalur Hafs 'an Asim merupakan jalur sanad bacaan al-Quran yang paling terkenal dan diikuti secara meluas dalam dunia Islam, terutamanya di negara-negara seperti Arab Saudi, Mesir, Turki, dan kebanyakan dunia Islam. Hafs bin Sulaiman (wafat 796 M) mempelajari kaedah bacaan ini daripada gurunya, Asim ibn Abi al-Najud (wafat 745 M), salah seorang qari terkenal di Kufah (Nasser, 2013).

Suatu keberuntungan menjadi pelajar di Pondok SM adalah kerana Ustazah Zaidatulakmam akan berusaha semampu mungkin bagi membolehkan pelajarnya mendapatkan sanad al-Qur'an langsung dari tokoh al-Quran iaitu Syeikh Kurayyim Rajih. Beliau mendapat gelaran Syeikhul Qurra' Al-Syam iaitu tokoh al-Quran negara Syria. Gelaran ini hanya diberikan kepada seorang insan yang diiktiraf keilmuannya dari segi al-Quran oleh ulama-ulama Damsyiq (Redha et al., 2018). Beliau menjadi tempat rujukan jika terdapat perbezaan dan perselisihan dalam ilmu-ilmu al-Quran terutamanya ilmu qiraat.

iii) Mendapatkan sanad ilmu yang benar dan dipercayai

Penguasaan dan pencapaian ilmu Ustazah Zaidatulakmam dapat diukur melalui tiga lapangan ilmu agama yang sangat dominan di pondok-pondok di Malaysia iaitu Al-Quran, Tauhid dan Feqah. Bidang Al-Quran yang sudah sememangnya menjadi kepakaran beliau telah mewujudkan pembelajaran secara terperinci berkenaan sifat dan makhraj huruf. Dalam bidang tauhid, beliau mengajar kitab Tauhid Sifat 20, *Minhaj al-Abidin*, *Aqidatun Najin* dan *Jauharah Tauhid*. Sementara bagi bidang feqah, beliau mengajar kitab Solat Kunci Syurga karangan beliau sendiri dan *Tanwir Al Masalik* Jilid 1, 2 dan 3.

Oleh itu, Ustazah Zaidatulakmam yang menitikberatkan tentang sanad ilmu juga tidak terkecuali untuk menekuni usaha mendapatkan sanad yang merupakan salah satu perkara penting bagi para ulama dalam menyampaikan ilmu agama. Sanad merupakan satu mekanisme yang ampuh dan terbaik dalam menjaga keaslian dan kesahihan ayat-ayat suci Al-Quran. Pengajaran Al-Quran secara bersanad masih relevan memandangkan masih belum wujud kaedah pendidikan moden yang mampu menjaga keaslian Al-Quran (Redha et al., 2018).

Berbekalkan sijil pengajian bersanad yang diperoleh hasil dari menuntut ilmu bersama ulama telah menjadikan Ustazah Zaidatulakmam seorang guru agama yang betul-betul berkelayakkan untuk mengajar. Antara sanad pembelajaran yang beliau perolehi ialah sanad kitab *Bulughul Maram* karangan Imam Al-Hafizh Ibnu Hajar Al-Asqalani, *Munyatul Mushalli* dan seluruh kitab karangan Syeikh Daud bin Abdullah Al Fathani, *Bidayatul Hidayah*, *Minhajul Abidin* karangan Imam Ghazali, *Muruqi Ubudiyah* karangan Syeikh Muhammad Nawawi Al-Bentani Al-Jawi dan kitab *Al-Hikam* karangan Al-Imam Ibnu Athoillah As-Sakandari (Zaidatulakmam, temu bual, 8 Disember, 2023).

Sumbangan beliau dalam menyebarluaskan sistem sanad dalam pembelajaran di pondok wajar dipuji kerana ia memupuk pengukuhan dalam kefahaman di dalam sesuatu disiplin ilmu. Beliau juga akan memastikan pelajar di Pondok SM memperoleh sijil sanad dari guru yang menyampaikan ilmu sebelum menamatkan pengajian di sana.

Sebagai Penulis

Selain kehebatan beliau dalam mentadbir sekolah pondok, Ustazah Zaidatulakmam juga merupakan antara pendakwah wanita yang gagah dalam menulis buku. Beliau menghasilkan beberapa buah buku dan aktif diguna dan dibacakan di tempat pengajian di serata Malaysia. Antara penulisan beliau yang mendapat sambutan yang amat menggalakkan ialah Kitab *Zadul Khairat*. Kitab ini mengumpulkan beberapa selawat yang terpilih antaranya selawat ‘umm, selawat tafrijiyah, selawat badar dan lain-lain. Sehingga ke hari ini, kitab *Zadul Khairat* telah dicetak sebanyak enam belas kali bagi memenuhi permintaan yang sangat tinggi dari pelbagai golongan masyarakat tidak kira usia mereka (Zaidatulakmam, temu bual, 8 Disember, 2023).

Masyarakat, termasuk mereka yang tidak pernah menjadi anak murid beliau atau belum pernah bertemu dengannya, tetap memiliki dan membaca buku ini kerana mengiktiraf beliau sebagai penulis yang telah mengumpulkan selawat-selawat di dalamnya. Kitab *Zadul Khairat* amat dikenali di seluruh dunia dan berjaya menghasilkan penjualan sebanyak lebih 50,000 naskhah termasuk ke pasaran antarabangsa di Australia, United Kingdom, Singapura dan Indonesia. Di Malaysia, terdapat lebih 100 kumpulan organisasi “Rumah Selawat” aktif menjalankan program selawat menggunakan buku *Zadul Khairat* di madrasah-madrasah dan masjid-masjid terutamanya di negeri Selangor, Johor, Terengganu dan Melaka.

Beliau juga menulis kitab fikih solat yang bertajuk *Miftahul Jannah* (Solat Kunci Syurga). Buku ini mengulangkaji setiap aspek yang terkandung dalam solat

supaya tidak tersilap dalam menjalankan ibadah. Kitab ini terkandung ilmu asas dan terperinci bab solat fardhu yang menjadi langkah pertama dalam usaha mencari jalan penyempurnaan solat pada zahir syariat (Zaidatulakmam Zakaria, 2023). Selain itu, Ustazah Zaidatulakmam juga menghasilkan buku doa “Ku Selami Jiwamu” yang merupakan himpunan doa-doa yang ditulis sendiri oleh beliau dan disusun oleh anaknya sendiri. Idea dan gaya bahasa sepenuhnya adalah hasil langsung yang asli dari kepakaran beliau (Khadijah Zulfa, 2022).

Beliau juga menulis lagu rasmi Pondok SM. Kehebatan dalam berbahasa yang sudah sebatи dalam diri telah menghasilkan lagu tema Pondok SM yang dikarang oleh beliau sendiri yang bertajuk Cinta dan Harapan oleh (Zaidatulakmam Zakaria, 2023). Lirik lagu rasmi pondok SM adalah seperti berikut:

Embung menitis dibening pagi,
kicauan burung memecah sepi
Mengejut tidur dibuai mimpi,
hati pilu menginsafi diri
Melangkah kaki menggapai janji,
dalam tafakur menyerah hati
Merasa syukur nikmat ilahi,
sebagai tanda mengabdi diri
As sirojul munir mengajak hati,
meruntun jiwa mencari jalan syurga
Mendamba cinta dari pencipta,
mengharap kasih dari rasulnya
Satu niat Satu tekad Satu matlamat,
demti mencari hidup akhirat
Sebuah cinta sebuah harapan,
seorang hamba kepadamu tuhan
Mentari pagi menjenguk jiwa,
di dalam doa pembuka kata
Bermula bicara sebuah cerita,
tentang nilai hidup disana
Di dalam pasrah kami meminta,
terimalah kami seorang pendosa
Di dalam sendu berair mata,
mengharap redha dari yang Esa

Sebagai Penceramah dan Pendakwah Bebas

Oleh kerana jiwa pendakwah dan pejuang ilmu agama terpahat kukuh, Ustazah Zaidatulakmam juga menerima jemputan ceramah umum dan khusus secara berkala mingguan atau bulanan di pelbagai tempat seluruh Malaysia antaranya Masjid Saidatina Aisyah Seremban, Surau Riyadhus Solihin Bangi, Surau Ittihadiyah Shah Alam dan banyak lagi. Penyebaran dakwah secara meluas ini dapat memberi peluang kepada masyarakat wanita untuk mudah mencari ilmu kerana ia

tidak terhad kepada orang yang terdekat sahaja malah sesiapa pun boleh hadir di pengajian beliau.

Antara pengajian umum yang sering diajar ialah kursus pengurusan jenazah, majlis tahnik dan tahlil, majlis khataman Al-Quran, majlis maulid dan sebagainya. Bagi pengajian khusus pula, ustazah akan bersyarah mengikut kitab yang telah ditetapkan seperti Kitab *Miftahul Jannah* (Solat Kunci Syurga), *Minhajul Abidin*, *Aqidatunnajin*, Sifat 20, *Jauharah Tauhid*, Hadis 40 dan lain-lain (Zaidatulakmam, temu bual, 8 Disember, 2023).

Pendekatan yang digunakan oleh Ustazah Zaidatulakmam dalam menyampaikan ilmu adalah dengan mendatangkan contoh-contoh yang kreatif untuk memudahkan masyarakat memahami dengan lebih mendalam. Ketinggian ilmunya mampu menghuraikan contoh yang mudah agar dapat difahami dengan jelas dan senang. Oleh itu, wajarlah beliau menjadi guru agama kesayangan orang ramai.

Sebagai Usahawan

Selain mendidik pelajar dengan ilmu agama, Ustazah Zaidatulakmam juga mempunyai kemahiran dalam penjanaan ekonomi. Oleh itu beliau telah menjalankan beberapa perniagaan di pondok bagi menampung kos pengurusan dan perbelanjaan harian di pondok. Hasil ekonomi yang dijana ini akan digunakan untuk pembangunan pondok. Pembelajaran di pondok tidak dikenakan bayaran juga adalah disebarkan dana dari perniagaan dan hasil sumbangan dari pelajar.

Antara perniagaan yang dijalankan di Pondok SM ialah penjualan minyak wangi yang diberi nama Wangian Siroji Mewangi Di Hati. Terdapat 20 jenis bau wangian yang dijual dengan tiga saiz botol iaitu 3ml, 7ml dan 30ml. Hasil perjalanan jualan ini mendapat bahawa waktu pelajar akan membeli wangian ini setelah selesai pengajian mereka pada hari tersebut. Selain itu, Ustazah Zaidatulakmam juga menjual perkakas solat seperti telekung, sejadah dan tasbih. Dengan penjualan barang ini, pelajar boleh membantu meningkatkan jumlah penjualan (Zaidatulakmam, temu bual, 8 Disember, 2023).

Di Pondok SM juga terdapat satu bangunan khas yang dibina untuk penjualan kitab-kitab agama. Semua kitab yang diajarkan sepanjang di pondok dijual bagi memudahkan para pelajar mendapatkannya. Antara kitab karangan Ustazah Zaidatulakmam ialah kitab *Zadul Khairat*, kitab *Miftahul Jannah*, kitab *Azzulfa*, kitab Terjemahan *Bekal khirat* dan buku doa karangan beliau sendiri “Ku Selami Jiwamu”. Pondok SM juga menyediakan penjualan kitab cetakan lain yang akan digunakan di dalam kelas pengajian umum.

Kesimpulan

Kajian mengenai tokoh wanita pondok pada hari ini perlu diangkat kerana peranannya di dalam aspek kehidupan memberi sumber inspirasi kepada generasi. Seperti figura wanita pondok yang diangkat dalam kajian ini iaitu Ustazah Zaidatulakmam yang mempunyai kekuatan dalam latar belakang pendidikan dan pengaruhnya dalam masyarakat wanita. Begitu juga kelayakan tauliah mengajar yang diterima oleh beliau menjadikan Ustazah Zaidatulakmam ini sebagai tokoh wanita pondok yang disanjungi melalui sumbangannya dalam pelbagai bentuk antaranya pembangunan rohani, intelek dan kemasyarakatan. Ustazah Zaidatulakmam sememangnya seorang tokoh agama wanita yang berkaliber kerana dedikasi dan ketekunannya mencapai usia 20 tahun dalam penyebaran ilmu dan dakwah di dalam sistem pendidikan pondok. Justeru itu, ketekunan, semangat, sumbangan serta peranannya dalam bidang pendidikan wajar dicontohi dan diteladani untuk menyebarkan ilmu dalam menempuh arus pendidikan yang lebih mencabar pada masa kini dan akan datang. Oleh itu, pengkaji berharap signifikan kajian ini dapat memberi informasi dengan lebih mendalam bagi membantu masyarakat wanita membentuk aspirasi dan membuka wawasan terhadap potensi wanita di dunia ini dari pelbagai bidang kehidupan.

Rujukan

Ahmad Faizal Yusoff, Nik Norliati Fitri Md Nor, Norizan Musa, & Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid. (2022). Institusi pondok sebagai pilihan tempat tinggal warga emas wanita ke arah kesejahteraan hidup: Kajian kes di Terengganu. *Journal of Sciences and Humanities*, 19(5), 195-209.

Al-Nawawi. (1999). *Al-Minhāj fī Sharh Ṣahīh Muslim*. Dar al-Khayr.

Azmi, B. & Mohamad Nazli, O. (2018). Sumbangan Mualim Haji Wahid dalam bidang dakwah di Melaka. *Jurnal Maw'izah*, 1(1), 137-153. <https://www.unimel.edu.my/journal/index.php/JMAW/article/view/232/202>

Bayan Linnas. (2019). Siri Ke-202: Guru dan kemuliaannya.

<https://www.muftiwp.gov.my/ms/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/3593-bayan-linnas-siri-ke-202-guru-dan-kemuliaannya>

Haris, H. (2012). *Metodologi penelitian kualitatif untuk ilmu-ilmu sosial*. Salemba Humanika.

Irsyad Al-Fatwa. (2016). Siri Ke-122: Keperluan mendapatkan tauliah mengajar.

<https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/1310-irsyad-al-fatwa-ke-122-keperluan-mendapatkan-tauliah-mengajar>

Kamarul Azmi jasmi. (2020). *Siri Buku Amalan Harian*. Akademi Tamadun Islam Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Khadijah Zulfa. (2022). *Kuselami Jiwamu*. Laman Taman Ilmu Resources.

Khairul Nizam Zainal Badri. (2022). Development of self-potential in pondok education curriculum. *Jurnal Ilmiah AL-Jauhari: Jurnal Studi Islam dan Interdisipliner*, 7(1), 1-13. <http://doi.org/10.30603/jaj.v7i1.2518>

La Mansi. (2013). Ulama perempuan Kota Palu Sulawesi Tengah: Biografi Syarifah Sa'diyah. *Al-Qalam*, 19(1), 75-84. <http://dx.doi.org/10.31969/alq.v19i1.144>.

Mohamad Redha Mohamad, Muhammad Zaid Shamshul Kamar & Shaharuddin Saad. (2018). *Kepentingan sanad dalam menjaga keaslian al-Quran*. Dlm Phayilah Yama et. al., (Ptyg), Proceeding of The International Conference on Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith (92-98). Kolej Universiti Islam Selangor. [https://conference.uis.edu.my/thiqah/e-prosiding/e-prosiding-2018/isi-kandungan](https://conference.uis.edu.my/thiqah/e-prosiding/e-prosiding-e-prosiding-2018/isi-kandungan).

Mohammad Syahrol Azmil Mohamad Sani & Ashraf Ismail. (2021). Peranan dan sumbangan pondok baitul qurro' terhadap dakwah Islam di Melaka. *Jurnal Maw'izah*, 4, 61-74.

Mohd Farid Ravi Abdullah. & Zahari Mahad Musa. (22 Oktober 2019). *Ulama Selangor: Peranan dan sumbangan* [Conference session]. Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 ke-3, Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam, Selangor.

Mohd Haidhar Kamarzaman, Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman & Mohd Sobri Ellias. (2021). Pondok sebagai benteng akidah ahli sunnah wal jamaah. *Jurnal Al-Ummah*, 3, 1-32.

Nasrun S & Norhayati Haji Hamzah. (2013). Peranan pondok pesantren di Kerinci Jambi Indonesia dalam perkembangan pendidikan Islam. *Jurnal Al-Tamaddun*, 8(1), 189-209.

Nasser, S. (2013). *The transmission of the variant readings of the Qur'an*. Brill.

Niken Bayu Algaheni & Gita Kostania. (2022). Tinjauan literatur: Pengaruh tahnik terhadap bayi baru lahir. *Avicenna: Journal of Health Research*, 5(2), 47-60.

Nur Afiqah Mohamad Haluwi & Khazri Osman. (12 Julai 2021). *Ketokohan Tuan Guru Haji Abdul Aziz b Haji Abu Bakar dalam bidang dakwah* [Conference session]. Seminar Tokoh Dakwah 1.0 (SEDAKWAH), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nur Azwa Azman. & Khazri Osman. (12 Julai 2021). *Tokoh dakwah Tuan Guru Haji Ahmad bin Haji Mohd Nor*. Seminar [Conference session]. Seminar Tokoh Dakwah 1.0 (SEDAKWAH), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nurul Khaevani, Lalu Fauzi Haryadi. & Muhammad Ramdani Nur. (2023). Dedikasi ulama perempuan dalam pendidikan Islam: Kajian historis Ummuna Hj. Siti Raihanun Zainuddin Abdul Majid. *Al-Nahdah: Jurnal Pendidikan Islam*, 3(2), 94-101.

Nurulhuda, I. & Umi Nur Amirah, N. A. (2019). *Nusantara selepas merdeka: Cabaran agamawan dalam membela & membangun tanah air: Ulama Wanita Dan Perjuangan Kemerdekaan Negara: Rahmah Al-Yunusiyah (1900-1969)*. UKM Bangi, Malaysia.

Noornajihan Jaafar, Zulkiple Abd Ghani, Siti Rugayah Hj Tibek, Amir Husin Mohd Nor, Setiawan Gunardi, Noor Azizi Ismail, Ramiaida Darmi, Noor Saazai Mat Saad, Mohd Muzhafar Idrus, Hazlina Abdullah, Maziahtusima Ishak, Hayati Ismail & Adibah Sulaiman. (2017). Cabaran institusi pendidikan pondok serta impak terhadap pembentukan diri pelajar. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(6), 223 – 235.

Norman, K. D. & Yvonna, S. L. (2009). *Handbook of qualitative research*. SAGE Publications.

Nor Rafidah Saidon, Sity Daud, & Mohd Samsudin. (2017). Faktor kepimpinan dan gender dalam penglibatan politik wanita di Malaysia (1980-2013). *Akademika*, 87(3), 63-75.

Syed Salim Syed Shamsuddin. (2021). *Tuan Guru Haji Othman Qarib: Tokoh ulama Perak dan sumbangannya terhadap pengajian talaqqi dan dakwah*. Dlm Anita Ismail et. al., (Ptyg), E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021 (477-489). Universiti Sains Islam Malaysia.

Ummah Karimah. (2018). Pondok pesantren dan pendidikan: Relevansinya dalam tujuan pendidikan. *Misykat*, 3(1), 137-154. <http://doi.org/10.33511/misykat.v3i1.50>.

Zaidatulakmam Zakaria. (2023). *Solat Adalah Kunci Syurga*. Laman Taman Ilmu Resources.

Zaidatulakmam Zakaria. (2023). *Zadul Khairat*. Laman Taman Ilmu Resources.

Zati Azmina Jaafar. (22 Oktober2019), *Tok Guru Dala Peranan dan Sumbangan dalam Pendidikan Islam Nusantara* [Conference session]. Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 Ke-3 Hotel Grand Blue Wave Shah Alam, Selangor.